

▼25/11/18-59MST
U GB 25-11 00173 BH589
AAB

Parlimen - Keating
MALAYSIA AKAN BERTINDAK TERHADAP KEATING

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Malaysia akan mengambil tindakan terhadap Australia kerana mengecap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "keras kepala" berikutan keenggan Dr Mahathir menghadiri mesyuarat tidak rasmi ketua-ketua negara Asia Pasifik di Seattle, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Semasa bercakap kepada pemberita di Bangunan Parlimen, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan berkata, kerajaan bagaimanapun belum menentukan bentuk, bagaimana dan bila tindakan itu akan dilaksanakan.

"Kita sedang mendapatkan maklum balas daripada semua pihak dan apabila segala perbincangan selesai dijalankan, Kementerian Luar akan membawa cadangan itu untuk pertimbangan Kabinet," katanya.

Keating dilaporkan telah berkata bahawa Dr Mahathir "keras kepala" kerana enggan menghadiri mesyuarat di Seattle itu manakala media Australia pula menggelar Dr Mahathir dengan pelbagai nama.

Ketika ditanya sama ada kementerian itu telah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Australia, John Dauth untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara itu, Dr Abdullah berkata: "Itu satu daripada langkah yang akan kita buat".
-- Lagi.

▼25/11/18-16MST
U GB 25-11 00155 BH590
AAB

Parlimen - Keating 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, isu itu bagaimanapun akan diselesaikan secepat mungkin. Sementara itu, Pergerakan Pemuda UMNO kesal dengan kenyataan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Tengku Datuk Mahmud Mansor bahawa kecaman terhadap Dr Mahathir itu tidak boleh dikaitkan dengan perdagangan antara kedua-dua negara.

Naib Ketuanya, Datuk Nazri Tan Sri Aziz berkata, pada persidangan akhbar di Bangunan Parlimen, selain kesal, pergerakan itu juga tidak berpuas hati dengan jawapan Tengku Mahmud di Dewan Rakyat berhubung soal itu, semalam.

Semasa menggulung perbahasan yang menyentuh kementerian itu semalam, Tengku Mahmud berkata, bahawa walaupun beliau bersetuju kenyataan Perdana Menteri Australia Paul Keating terhadap Dr Mahathir itu perlu dikecam, ia tidak seharusnya dihubungkan dengan soal perdagangan.

Nazri berkata, Pemuda UMNO kecewa kerana Tengku Mahmud, sebagai seorang anggota kerajaan, tidak merasai bahawa cacian terhadap Perdana Menteri atau maruah Perdana Menteri dan Malaysia lebih penting daripada soal perdagangan.

-- Lagi.

▼25/11/18-20MST

CNS0381

U GB 25-11 00181 BH591

AAB

Parlimen - Keating 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kenyataan Tengku Mahmud bahawa soal itu boleh diselesaikan menerusi saluran yang betul, beliau berkata, cadangan itu tidak wajar kerana cemuhan itu dibuat tanpa mengikut saluran yang betul.

"Kalau di sesetengah negara lain sudah tentu berlaku peperangan tetapi oleh kerana kita matang, ini tidak berlaku," katanya sambil menambah kata, isu itu hanya boleh diselesaikan sekiranya Keating meminta maaf secara terbuka.

Australia perlu diajar budi bahasa rakyat Asia, tambahnya.

Nazri berkata, beliau bagaimanapun percaya Keating membuat kenyataan itu kerana marah terhadap Dr Mahathir menolak permohonannya yang mahu Raja Kamarul Baharin diekstradisi ke negara itu.

Bekas isteri Raja Kamarul Baharin, Jacqueline Gillespie, seorang rakyat Australia, menerusi kerajaan Australia, memohon agar Raja Kamarul dibawa ke negara itu bagi menghadapi tuduhan kerana dikatakan membawa lari anak-anaknya.

Nazri berkata, Pemuda UMNO tidak akan berganjak dengan tuntutan yang mahu Keating memohon maaf dan jika beliau enggan berbuat demikian, Pemuda UMNO akan memulakan beberapa langkah, termasuk meminta pelabur Malaysia supaya jangan melabur di Australia. -- Bernama.

RA KAM.

▼25/11/19-31MST

CNS0520

U GB 25-11 00153 BH602

AAB

Parlimen - Keating 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Sambungan Berita Awal)

Sementara itu, Tengku Mahmud yang ditemui selepas persidangan dewan berkata, kenyataan beliau itu dibuat kerana menyedari bahawa Kementerian Perusahaan Utama tidak boleh membuat kenyataan yang boleh menggugat ekonomi negara.

"Kita tidak boleh mengeluarkan pandangan lagi kerana komoditi kita belum stabil. Dalam perniagaan, kita tidak boleh buat silap kerana silap sikit, business kita habis, harga saham akan turun. Risiko dan implikasinya banyak," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Nazri.

"Bagi kementerian, dalam perniagaan walau hantu hendak beli sekalipun, kita akan jual," tambahnya.

Tengku Mahmud menjelaskan bahawa apa juga keputusan yang dibuat oleh kementerian itu mestilah menunggu keputusan kabinet.

"Kita akur dengan keputusan kabinet, jika kabinet kata batal, kita akan batal, kalau kabinet kata kurang, kita akan kurang," katanya, dengan merujuk kepada cadangan agar kerajaan mengurangkan import barangan dari Australia. -- Bernama.

RA KAM.

▼25/11/20-00MST